



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 19 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Premis kenakan syarat sebelum beli minyak masak peket diserbu KPDN

'Bos suruh sorok, boleh kaut untung'



PENGUAT Kuasa KPDN melakukan pemeriksaan di sebuah pasar raya di Seri Iskandar, Perak kelmarin. — IHSAN KPDN

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

PARIT — Tindakan sebuah pasar raya di Seri Iskandar, di sini yang mengenakan syarat pembelian barang bernilai RM20 sebelum membenarkan pengguna membeli minyak peket satu kilogram (kg) mengundang padah apabila premis itu diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarah KPDN Perak, Datuk Kamalludin Ismail berkata, hasil aduan orang awam sepasukan anggota penguatan kuasa KPDN Perak Cawangan Marjung melakukan serbuan di premis tersebut.

"Orang awam mengadu bahawa peniaga mengenakan syarat untuk membeli minyak masak peket 1kg bersubsidi di premis, mereka perlu membeli barang lain dahulu.

"Sehubungan itu, pasukan penguatan kuasa KPDN melakukan dua kali uji beli melalui Ops Samar dan uji beli pertama men-

dapati pekerja premis tersebut memaklumkan bekalan minyak masak peket tiada di premis.

"Uji beli kedua dilakukan dengan membuat pembelian barang lain bernilai RM15 dan mendapati pekerja premis membenarkan pembelian 1 peket minyak masak 1kg ketika ini adalah barang keperluan semasa.

"Apabila penguatan kuasa yang menyamar sebagai pembeli ingin membayar dua paket lagi, pekerja premis memaklumkan perlu membeli barang lain dengan nilai lebih RM20," katanya dalam kenyataan semalam.

Berdasarkan maklumat tersebut, Kamalludin berkata, sepasukan anggota penguatan kuasa beruniform telah melakukan pemeriksaan menyeluruh di premis perniagaan tersebut dan hasilnya telah menemui 32 peket minyak masak 1kg bersubsidi yang disimpan di dalam stor.

Beliau berkata, pekerja premis ketika disoal siasat memaklumkan bahawa dia hanya mengikut arahan pemilik pasar raya bahwa perlu mengenakan syarat kepada pembeli dengan membuat

pembelian barang lain.

"Pekerja itu seterusnya memberitahu, tindakan itu adalah bagi membolehkan pasar raya itu menguat keuntungan memandangkan minyak masak peket 1kg ketika ini adalah barang keperluan semasa.

"Berikutnya penemuan tersebut, satu arahan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 telah diberikan kepada premis berkenaan. Siasatan lanjut mendapat premis memiliki lesen runcit barang kawalan (CSA) gula, minyak masak dan tepung yang masih sah.

"Sebanyak 32kg minyak masak peket yang ditemui tersebut telah disita untuk siasatan lanjut dan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM80," katanya.

Tambahnya, kes akan disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika sabit kesalahan seorang selain daripada badan korporat boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya.

—BERITA MASA LAIN

Restoran caj harga tidak munasabah diberi notis

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan mengeluarkan notis ke atas sebuah restoran di Pantai Cahaya Bulan (PCB) di sini pada Selasa selepas dipercayai mengenakan caj bayaran tidak munasabah.

Tindakan itu susulan seorang pengguna meluahkan perasaan tidak puas hatinya di laman sosial kerana dikenakan bayaran RM250 bagi makanan di premis terbabit dan video tersebut menjadi tular.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, hasil daripada periksaan mendapati premis itu mempamerkan tanda harga, menyediakan menu dan menandakan dengan jelas jualan makanan dan minumannya.

"Pemilik premis mengesahkan video yang tular itu adalah kedainya. Semasa soal siasat, pemilik memaklumkan bayaran makanan RM250 itu adalah sebagaimana yang dipesan dan dibayar oleh pelanggan tersebut," katanya pada Khamis.

Bagaimanapun kata-



Pegawai KPDN Kelantan mendapatkan penjelasan daripada pemilik restoran yang mengenakan bayaran berjumlah RM250 kepada pelanggan yang tular baru-baru ini.

nya, pengiraan semula yang dilakukan oleh pihaknya mendapati harga yang dikenakan dan dibayar itu mengelirukan.

"Semakan mendapati tiada sebarang resit dikeluarkan pada hari kejadian. KPDN mengeluarkan satu Notis Pengesahan Maklumat Barang di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

"Maklum balas notis bertulis tersebut perlu diserahkan kembali kepada KPDN Kelantan mengikut masa yang ditetapkan.

"Notis tersebut bertujuan untuk menganalisis lanjut berkait harga yang dikenakan sama atau

mencatut atau mengambil keuntungan yang tidak munasabah kepada pengguna," katanya.

Azman berkata, sekiranya premis gagal atau tidak mengemukakan maklum balas, tindakan kes diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Katanya, pemilik premis memohon maaf atas kekhilafan dan kekeliruan yang timbul.

"KPDN akan menghubungi pengguna tersebut untuk berbincang lanjut ketidakpuasan hati dan menyelesaikan permasalahan yang timbul," kata beliau.

Padah syarat beli RM20 untuk beli minyak peket

Pasar raya di Seri Iskandar dikenakan tindakan oleh KPDN Perak

Oleh NORMAWATI ADNAN
PARIT

Sebuah pasar raya di Seri Iskandar di sini dikenakan tindakan selepas didapati meletakkan syarat pembelian bagi minyak masak peket 1 kilogram (kg) bersubsidi.

Tindakan itu terbongkar ketika serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak pada Rabu, hasil aduan orang ramai.

AJENYE
YEAH!



FOTO: KPDN PERAK

Pengarah KPDN negeri, Datuk Kamalludin Ismail berkata, pasar raya itu memaksa pembeli berbelanja barang lain bernilai RM20 sebelum dapat membeli minyak masak peket.

"Semasa pemeriksaan, penguasa yang menyamar sebagai pembeli melakukan dua kali uji beli. Kali

pertama, pekerja beritahu bekalan minyak masak tiada. Kali kedua, beli barang bernilai RM15 dan pekerja di situ benarkan pembelian satu peket minyak masak," katanya pada Khamis.

Ujarnya, satu arahan pengisytiharan stok di bawah Seksyen 8 Akta Kawalan Bekalan 1961 diberikan kepada pemilik premis.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 19 APRIL 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Apr	Pasar raya kenakan syarat RM20 beli minyak peket subsidi	https://www.sinarharian.com.my/article/660114/berita/semasa/pasar-raya-kenakan-syarat-rm20-beli-minyak-peket-subsidi	SINAR HARIAN
19-Apr	Premis letak syarat sebelum bagi beli minyak masak peket, diserbu KPDN	https://www.kosmo.com.my/2024/04/18/premis-letak-syarat-sebelum-bagi-beli-minyak-masak-peket-diserbu-kpdn/#google_vignette	KOSMO
19-Apr	Restoran di PCB kenakan caj mahal RM250 diberi notis	https://www.sinarharian.com.my/article/660120/edisi/johor/restoran-di-pcb-kenakan-caj-mahal-rm250-diberi-notis	SINAR HARIAN
19-Apr	KPDN Pahang periksa 5,260 premis dalam Ops Pantau	https://malaysiagazette.com/2024/04/18/kpdn-pahang-periksa-5260-	MALAYSIA GAZETTE
19-Apr	'Harga barangan stabil bukti kejayaan Kerajaan Perpaduan'	https://www.suarakeadilan.my/post/harga-barangan-stabil-bukti-kejayaan-kerajaan-	SUARA KEADILAN
19-Apr	Jualan murah di tujuh cawangan pasar raya Segi Fresh Sabtu ini	https://selangorkini.my/2024/04/jualan-murah-di-tujuh-cawangan-pasar-raya-segi-	SELANGOR KINI
19-Apr	Harga hotel naik: Dipersetujui Persatuan Hotel Malaysia – Abdul Karim	https://www.tvsarawak.my/2024/04/18/harga-hotel-naik-dipersetujui-persatuan-hotel-malaysia-abdul-karim/	TV SARAWAK
19-Apr	Tourism Minister advises against indiscriminate hotel rate hikes	https://dayakdaily.com/tourism-minister-advises-against-indiscriminate-hotel-rate-hikes/	DAYAK DAILY